

17/06/1999

Dekati pelajar: Dr M (HL)

ullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan pemimpin dan ahli Umno supaya sentiasa mendekati rakyat, khususnya pelajar pusat pengajian tinggi bagi membolehkan mereka memahami perjuangan parti itu.

Presiden Umno berkata, langkah itu penting untuk merapatkan hubungan sebahagian generasi muda dengan Umno. Sebelum ini Umno tidak berbuat demikian kerana mahu pelajar menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Tetapi, keadaan itu memberi peluang kepada parti pembangkang menemui pelajar dan menghasut mereka sehingga sesetengahnya membenci Umno.

"Umno sebagai tulang belakang kerajaan, akan terus mendekati pelajar di institut pengajian tinggi (IPT) dan menjelaskan peranan mereka sebagai pelajar.

"Kalau sudah berjaya, mereka boleh ambil bahagian dalam politik. Ketika di universiti, rakyat membiayai mereka untuk belajar, bukan untuk kegiatan lain sehingga boleh menjejaskan pencapaian mereka dalam pelajaran.

"Rakyat rela memberi wang kerana rasa bertanggungjawab terhadap generasi akan datang," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat kepada perwakilan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menjalankan tugas timbalan presiden, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan ahli-ahli Majlis Tertinggi (MT).

Dalam taklimat itu, Dr Mahathir menjelaskan mengenai sejarah perjuangan Umno menuntut kemerdekaan dan membuat perbandingan apa yang berlaku terhadap parti yang memperjuangkan kemerdekaan.

Dr Mahathir menegaskan, jika ahli Umno tidak berjaga-jaga, mereka akan kehilangan sokongan seperti berlaku terhadap parti yang memperjuangkan kemerdekaan di beberapa negara.

Antara parti yang memperjuangkan kemerdekaan tetapi akhirnya tewas dalam pilihan raya ialah Liga Muslim di Pakistan dan Parti Kongres di India.

Mengenai pendekatan Umno terhadap pelajar IPT, beliau berkata, kerajaan tidak mahu pelajar terbabit dalam politik tetapi ingin mendekati mereka supaya faham mengapa kerajaan mahu mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Menurutnya, kalau Akta Universiti dan Kolej dimansuhkan, pelajar yang mendapat biasiswa daripada wang rakyat tidak akan belajar, sebaliknya menghabiskan masa dengan berpolitik dan mensia-siakan wang rakyat.

"Pelajar yang terpengaruh dengan pembangkang tidak ramai, tetapi parti lawan menghasut mereka serta membentuk pemikiran supaya membenci Umno.

"Apabila pelajar itu lulus, mereka akan sertai parti lawan dan menghentam sesiapa saja yang menolong mereka sebelum ini, khususnya Umno dan kerajaan. Umno sebenarnya adalah rakan baik mereka tetapi rakan lain dari luar mendakwa Umno tidak demokratik," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kelab Umno tidak wajar ditubuhkan di IPT tempatan kerana kerajaan mahu pelajar menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran.

Menurutnya, jika kelab Umno seperti yang ada di luar negara itu dibenarkan wujud di IPT tempatan, parti lain juga mahu menubuhkan kelab parti mereka sendiri dan tindakan itu menjejaskan lagi penumpuan pelajar terhadap pelajaran.

"Kelab Umno di luar negara, kita tidak ada kuasa sama sekali. Kelab parti lain juga ada (di luar negara)," katanya mengenai kemungkinan

membenarkan pelajar IPT menubuhkan Kelab Umno seperti di luar negara.

Mengenai pengaruh Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata, orang ramai sudah hilang minat terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu, malah pada muktamar Pas baru-baru ini, soal Anwar tidak disentuh.

"Pas sendiri tidak membincangkan mengenai Anwar dan peristiwa ini akan dilupakan kerana kita mempunyai sistem perundangan yang baik," katanya.

(END)